

e-MAJALAH

Kejayaan Dalam Agama

DARUL ULUM

MALAYSIA

NO. KELUARAN : 04/01/07/2021 | ZULHIJjah 1442 | JULAI 2021

Hayatus Sahabah

**Sahabat Nabi makan
belalang?**

Sayyidatina Aisyah

Bersumpah tidak akan bercakap
dengan Sayyidina Zubair lagi

SOAL JAWAB AGAMA

Ibadah Korban untuk orang
yang telah mati?

Kitab Tafsir Pilihan

*Tafsir Hada'iq al-Rauh
wa al-Raihan fi Rawabi
'Ulum al-Qur'an*

Gambar : Masjid Ubudiah, Perak, Malaysia



PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM (PPM-021-14-19082020)

Alamat : No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling, 57000 Kuala Lumpur.

Laman web : <http://darululum.my>

Emel : dumalaysia@gmail.com

PENDIRIAN

Dengan nama Allah ﷺ, segala puji bagi Allah ﷺ, Tuhan sekalian alam. Hanya kepadaNya kami mohon pertolongan dalam perkara dunia dan agama. Selawat dan salam buat Rasul junjungan, penutup kenabian, Nabi Muhammad ﷺ dan keluarga dan para sahabat baginda. Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah Maha Tinggi Maha Agung.

Suka untuk kami nyatakan bahawa kami dan juga para akabir mengikut mazhab imam dari salasilah kenabian, mujtahid agung sepanjang zaman, zahid dan wali Allah, Imam Muhammad ibn Idris al-Syafi'i ﷺ, dalam perkara berkaitan fiqh. Kami mengikut mazhab para imam yang benar, Abu al-Hasan al-Ash'ari ﷺ dan Abu Mansur al-Maturidi ﷺ, dalam perkara aqidah. Salasilah kami dalam tasawuf berkesinambungan dengan kaedah suci tarekat Chistiyyah, kaedah terbilang tarekat Naqshabandiyah, kaedah murni tarekat Qadiriyyah dan kaedah yang diredai tarekat Suhrawardiyyah.

Kami tidak berbicara dalam perkara yang berkaitan dengan agama melainkan kami mempunyai bukti dari Al-Qur'an, Sunnah, ijmak para ulama atau pandangan daripada salah seorang imam mujtahid. Di samping kenyataan ini, tidak kami mengisyiharkan bahawa kami maksum dari melakukan sebarang kesalahan, sama ada kesilapan daripada coretan pena atau tutur kata. Oleh itu, jika nyata kami melakukan kesalahan dalam kenyataan kami, tidak kira sama ada ia mengenai usul atau furu, malu tidak menghalang kami daripada menarik balik pendapat kami dan mengisyiharkan kesilapan tersebut.

Oleh itu, jika para ulama berpendapat bahawa kami telah melakukan kesilapan dalam sesuatu perkara, jika kesilapan itu mengenai perkara 'aqidah, adalah perlu bagi mereka menyatakan pandangan mereka dan bukti daripada ulama 'aqidah. Jika kesilapan tersebut adalah berkenaan masalah fiqh, maka adalah perlu untuk mengemukakan hujjah daripada pandangan fuqaha. Jika sedemikian, dengan kehendak Allah, maka kami akan menerima dengan hati yang terbuka, lapang dada dan kesyukuran dari ruh dan jiwa kami.

PRAKATA e-MAJALAH 04

Untuk mendapat manfaat secara langsung daripada zat Allah ﷺ kita hendaklah mentaati segala perintah Allah ﷺ dengan cara yang telah ditunjukkan oleh Nabi ﷺ. Untuk itu kita mesti mempelajari ilmu agama. Dengan mempelajari ilmu agama maka dapatlah kita memastikan dalam apa sahaja keadaan, kita mengetahui apakah yang Allah ﷺ inginkan daripada kita.

Dalam setiap keadaan yang mendarat, orang yang beriman akan memerhatikan dan mencari-cari apakah perintah yang Allah ﷺ paling suka kita lakukan dalam keadaan begini. Seterusnya orang beriman akan memerhatikan dan mencari-cari bagaimanakah Nabi ﷺ melaksanakan perintah Allah ﷺ tersebut. Dengan cara inilah maka orang beriman akan mendapat kebahagiaan dalam kehidupannya di dunia ini, walau apa sekalipun keadaan dirinya atau keadaan di sekelilingnya.

SIDANG REDAKSI

Pengurus

Ustaz Lukman Bin Mohd Hasbi

Ketua Pengarang

Abu Muhammad Thoriq

Penulis Kehormat

Ustaz Ahmad Lutfi Bin Muharam
Ustaz Abdul Fatah Bin Abdullah@Abas
Ustaz Umair Bin Abdul Ghaffar
Ustaz Abdul Rahman Bin Harman Shah Raniri
Ustaz Wan Aswadi
Ustaz Syauqi Bin Mohd Halim
Fuad Akmal Bin Mohamad Zahir
Mohd Khairi Bin Tajudin

PENERBIT

PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM
(PPM-021-14-19082020)
No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling,
57000 Kuala Lumpur.
Laman web : <http://darululum.my>
Emel : dumalaysia@gmail.com
Tel : +6010 320 1200

SLOGAN

Kejayaan Dalam Agama

Agama ialah menunaikan seluruh perintah Allah ﷺ, meninggalkan seluruh larangan Allah ﷺ, dengan mengikuti cara yang ditunjukkan oleh Nabi ﷺ.

PENAFIAN

Pihak Darul Ulum Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap artikel yang ditulis di dalam e-Majalah ini. Ia adalah hak milik penulis dan tidak semestinya menggambarkan pendirian Darul Ulum Malaysia.

HAK CIPTA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan apa cara jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada pihak kami.

e-Majalah Darul Ulum Malaysia

ISI KANDUNGAN

Tafsir
AL-QURAN

Rencana
KHAS

Wanita:
KISAH SAHABIAH

Ulama
NUSANTARA

Hayatus
SAHABAH

Soal Jawab
AGAMA

01

Kitab Tafsir Pilihan :
Tafsir Hada'iq al-Rauh wa al-Raihan
fi Rawabi 'Ulum al-Qur'an

05

Syaikh ul-Hadis Maulana Muhammad
Zakariyya al-Kandhalawi
Antara kitab-kitab karangannya

07

Ummul Mukminin Sayyidatina Aisyah
: Ilmuwan dan Dermawan yang Takutkan
Allah

11

Kiyai Muhammad Sirāj
Al-Indunīsi Al-Makki

13

Penderitaan Nabi ﷺ dan Para Sahabat ﷺ
dalam menanggung kelaparan

17

Bolehkah buat Korban untuk orang yang
telah mati?

AYAT AL-QURAN DAN HADIS TENTANG ILMU

Allah ﷺ berfirman, “Dan berdoalah dengan berkata, wahai Tuhanmu tambahlah ilmu untukku.” (Toha: 114)

Allah ﷺ berfirman, “Dan misal-misal perbandingan yang demikian itu Kami kemukakan kepada umat manusia, sedangkan hanya orang-orang yang berilmu dapat memahaminya.” (al-Ankabut: 43)

Allah ﷺ berfirman, “Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (untuk melanggar perintah) Allah ﷺ daripada kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu.” (Faatir: 28)

Allah ﷺ berfirman, “Katakanlah wahai Muhammad, ‘Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?’”
(az-Zumar: 9)

Sayyidina Uśman bin Affan ؓ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, “Orang yang paling baik dalam kalangan kamu ialah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya.” (Tirmizi)

Sayyidina Jabir ؓ berkata Rasulullah ﷺ bersabda, “Ilmu ada dua bentuk, pertama ialah ilmu yang menunjang dalam sanubari maka itulah ilmu yang bermanfaat. Kedua ialah ilmu yang hanya di lidah yakni yang kosong daripada keikhlasan dan amalan maka inilah ilmu yang merupakan dakwaan Allah ﷺ ke atas anak Adam (bahawa dia ialah seorang yang bersalah) yakni ilmu itu akan membuat dakwaan bahawa kenapa kamu tidak beramal walaupun kamu tahu.” (Targhib)

Sayyidina Anas ؓ berkata Rasulullah ﷺ bersabda, “Sesungguhnya antara tanda-tanda kiamat ialah akan diangkat ilmu, datangnya sifat jahil, arak diminum (terang-terangan) dan perbuatan zina berleluasa.” (Bukhari)

Sayyidina Abu Sa'id Khudri ؓ berkata Rasulullah ﷺ bersabda, “Sesungguhnya seseorang mukmin tidak pernah kenyang daripada kebaikan (yakni ilmu), dia (sentiasa belajar dengan) mendengar pengajaran ilmu sehingga (maut datang menemuinya) dan dia masuk ke dalam syurga.” (Tirmizi)

Sayyidina Abdullah bin Mas'ud ؓ berkata Rasulullah ﷺ bersabda, “Apabila Allah ﷺ inginkan kebaikan untuk mana-mana hamba-Nya maka Allah ﷺ mengurniakan kepadanya kefahaman agama dan mengilhamkan kepadanya perkara-perkara yang benar.” (Bazzar, Tabarani: Majma' uz-Zawa'id)

KITAB TAFSIR PILIHAN

Tafsir Hada'iq al-Rauh wa al-Raihan fi Rawabi 'Ulum al-Qur'an

Pengarang : Syeikh Muhammad al-Amin bin 'Abdillah
al-'Alawi al-Harari as-Syafi'i.

Kitab Tafsir Hada'iq al-Rauh wa al-Raihan fi Rawabi 'Ulum al-Qur'an, ditulis oleh Syeikh Muhammad al-Amin bin 'Abdillah al-'Alawi al-Harari as-Syafi'i ﷺ, ulamak yang berasal dari Ethiopia (Habsyah), Afrika.

Kitab yang mengambil masa selama 30 tahun untuk disiapkan ini mempunyai kandungan yang sangat unik dan menakjubkan.

Di dalam kitab tafsir ini Syeikh Muhammad al-Amin ﷺ membahaskan al-Quran dari pelbagai aspek termasuk Asbabun Nuzul, I'rab dan Balaghah serta Tashrif dan Mufradat al-Lughah al-Quran.

Syeikh Muhammad al-Amin ﷺ juga menerangkan perihal munasabah antara surah dan ayat-ayatnya, faedah-faedah serta keutamaan surah dan ayat-ayat al-Quran serta kepelbagaian qiraatnya.

Turut dibentangkan di dalam kitab tafsir ini ialah kajian tentang hukum hakam yang terbit daripadanya dengan menerangkan pelbagai pendapat para imam mazhab serta tafsirannya yang sangat meluas.

Di samping tafsiran yang amat tuntas, diselitkan juga dengan pesanan dan nasihat berkaitan nilai-nilai murni dan spiritual serta kisah-kisah sufistik.

Ringkasnya Syeikh Muhammad al-Amin ﷺ telah membahaskan setiap surah dan setiap ayat al-Quran berdasarkan 9 metodologi ilmu iaitu :-

- | | | |
|------------------|-------------|-----------------------|
| 1. Tafsir | 4. I'rab | 7. Tasrif |
| 2. Asbabun Nuzul | 5. Qiraat | 8. Mufradat al-Lughah |
| 3. Munasabah | 6. Balaghah | 9. Ahkam |

Menurut Prof. Dr. Hasyim Muhammad Ali Mahdi dalam kata pengantarnya,

 *Mana-mana ulamak dari pelbagai bidang kepakaran ilmu akan mendapati di dalam tafsir ini, bidang kepakaran mereka. Kitab tafsir ini sudah lebih dari cukup untuk memahami al-Quran. Tidak perlu lagi untuk merujuk kepada kitab-kitab tafsir selain daripadanya. Kerana kita memerlukan waktu yang sangat lama untuk membelek kitab-kitab tersebut. Alangkah sempitnya waktu terasa di zaman moden ini.*

Syeikh Muhammad al-Amin  membahaskan tafsirannya di dalam kitab ini dengan perspektif yang sangat kaya dan luas. Sumber-sumber rujukan yang digunakan adalah sangat banyak. Sehingga boleh dikatakan bahawa dengan satu kitab tafsir ini sahaja, seolah-olah akan memiliki pelbagai jenis kitab tafsir yang lain juga.

Sebagai contoh bolehlah disebutkan beberapa kitab tafsir daripadanya seperti dari Tabari, Qurtubi, Baidawi, Zamakhshari, Bahrul Muhith, ar-Razi, Ibnu Katsir, asy-Syaukani, Ruhul Bayan, Umdah Tafsir, al-Khazin, al-Maraghi, dan Tantowi.

Selain daripada nukilan pandangan-pandangan para mufasir yang lain, Syeikh Muhammad al-Amin  juga turut menulis tafsiran dan takwilannya sendiri yang sangat membuka mata dan memberi inspirasi. Seringkali dalam tafsirannya, Syeikh Muhammad al-Amin  menghuraikan hikmah ayat-ayat, kalimah-kalimah bahkan huruf-huruf di dalam al-Quran juga dalam rangka menyingkap rahsia-rahsianya.

Kesemua sembilan methodologi yang disenaraikan sebelum ini sememangnya bersumberkan tafsir bil ma`thur iaitu al-Quran itu sendiri, hadis, qaul para sahabat  dan qaul tabiin. Tambahan lagi di dalam tafsiran bab-bab tertentu, Syeikh Muhammad al-Amin  juga turut menukarkan pandangan-pandangan daripada tafsir-tafsir kontemporari.

Nyatalah bahawa hampir semua bidang ilmu diperlukan bagi memperoleh kefahaman tentang tafsiran al-Quran yang dipaparkan di dalam kitab tafsir ini. Selayaknya kitab tafsir ini termasuk di dalam kategori tafsir kabir yakni sebuah tafsir yang di dalamnya terkandung pelbagai bidang ilmu. Sehingga boleh dikatakan bahawa dengan hanya membaca satu kitab tafsir ini, kita akan mendapat manfaat daripada pelbagai bidang ilmu yang sangat banyak.

DAPATKAN

*Tafsir Ḥada’iq
al-Ṛauh wa al-Ṛaihan
fi Ṣawabi ‘Ulum al-Qur’an*

READY-STOCK




<http://wasap.my/+60103201200/hadaiq>

KEMULIAAN SEORANG MUKMIN

Sayyidina Abdullah bin Abbas ﷺ berkata Rasulullah ﷺ telah memandang Kaabah dengan penuh kekaguman lalu bersabda, “Lailaha illallah, (wahai Kaabah) alangkah baik dan sucinya kamu, alangkah harumnya baumu, alangkah agung kemuliaanmu, namun kehormatan dan kemuliaan seorang mukmin adalah lebih besar daripadamu.

Allah ﷺ telah menjadikan kamu mulia dan demikian juga Dia telah menjadikan diri, harta dan kehormatan seorang mukmin mulia (dan kerana kemuliaan itu juga) Dia telah mengharamkan kita bersangka buruk walaupun sedikit terhadap orang mukmin yang lain.”

(Tabarani: Majma` uz-Zawa'id)



Syaikh ul-Hadis Maulana Muhammad Zakariyya al-Kandhalawi

ANTARA KITAB-KITAB KARANGANNYA

Menurut Maulana Sayyid Muhammad Shahid Saharanpuri (cucu Syaikh ul-Hadis), hasil penulisan Syaikh ul-Hadis Maulana Muhammad Zakariyya mencapai jumlah 103. Daripadanya 42 telah diterbitkan manakala 61 daripadanya belum diterbitkan.

Antara kitab-kitab karangan beliau, termasuk kerja-kerja ilmiah dalam bentuk syarah, ta`liq dan tahqiq ialah :-

1. Awjaz ul-Masalik ila Muwatta' Imam Malik
2. Al-Abwab wa at-Tarajim li Sahih al-Bukhari
3. Hajjat al-Wida' wa Juz'u 'Umrat an-Nabi
4. Tahqiq ke atas kitab Lami` ad-Darari `ala Jami` al-Bukhari
5. Tahqiq ke atas kitab al-Kawkab ad-Durri `ala Jami` at-Tirmidhi
6. Ta`liq ke atas kitab Bazlul Majhud
7. Shama'il Tirmidhi syarah Khasa'il Nabawi
8. Al-I`tidal fi Maratib ar-Rijal
9. Umm al-Amrad
10. Aap Beti

6 kelebihan kitab-kitab karangan Syaikh ul-Hadis.

Syaikh Sayyid Salman al-Husaini an-Nadwi menulis bahawa, kitab-kitab ini telah diterbitkan dan dikenali di medan ilmiah lebih-lebih lagi dalam kalangan muhaddisin.

Beliau menjelaskan bahawa sesiapa yang belum mengetahui atau belum pernah mendengar tentang kitab-kitab itu, ia mengandungi kelebihan-kelebihan berikut:

1. Ketelitian dalam menukilkan pendapat-pendapat mazhab dan menghubungkan pendapat tersebut kepada tuannya yang sebenar serta rujukan mengenai setiap mazhab kepada bahan rujukannya yang asal.
2. Menyempurnakan hak-hak para imam mazhab yang empat berserta pegangan Syaikh ul-Hadis sendiri yang teguh dengan Mazhab Hanafi bersama pandangan yang jelas, sokongan dalil dan hujah yang memuaskan hati.

3. Nukilan serta petikan daripada kitab-kitab fikah dan hadis yang banyak. Kemungkinan para pembaca tidak akan temui himpunan yang begitu menyeluruh dan kajian yang begitu mendalam dalam kitab-kitab lain.

4. Pembentangan dalil-dalil mazhab-mazhab lain berserta pentarjihan terhadap mazhab Hanafi dengan gaya bahasa yang tenang, serta meraikan kemuliaan semua ulama lain berserta perasaan cinta serta menghormati kedudukan mereka yang tinggi.

5. Penjelasan setiap sesuatu yang berkaitan dengan perkara yang dibahaskan sama ada ia perkara kulliyah atau juz'iyyah secara menyeluruh, meluas dan meliputi. Keadaan ini sangat jelas dapat dilihat dalam hasil usaha ilmiah beliau yang agung kitab *Awjaz ul-Masalik ila Muwatta' Imam Malik*.

6. Keistimewaan keenam yang menyerlahkan seluruh kitab karangan beliau daripada karangan-karangan ramai ulama yang lain ialah keikhlasan beliau dalam menulis dan beliau tidak mengambil manfaat dan keuntungan keduniaan dengan perantaraan kitab-kitab itu malah ianya diwaqafkan di jalan ilmu dan agama dan juga beliau melazimkan diri dengan adab-adab yang tinggi semasa mengarang. Inilah perkara yang menyebabkan kitab-kitab beliau memberi kesan yang mendalam dalam jiwa para pembaca.

Himpunan kitab-kitab Targhib dan Tarhib.

Beliau juga telah meninggalkan himpunan yang besar daripada karangan-karangan berkenaan pelbagai tajuk ilmiah. Kitab-kitab beliau mengenai targhib dan tarhib yang terkenal dengan nama *Fadail A'mal* yang telah tersebar luas, terkenal di seluruh alam, dibacakan di masjid-masjid di seluruh dunia. Ia terdiri daripada :-

1. Fadilat Solah
2. Fadilat al-Quran
3. Fadilat Zikir
4. Fadilat Tabligh
5. Fadilat Ramadan
6. Fadilat Haji
7. Fadilat Sedekah
8. Fadilat Selawat
9. Fadilat Tijarah
10. Hikayat us-Sahabah

Kitab-kitab itu juga telah menjadi bacaan harian jemaah dakwah dan tabligh. Orang-orang yang membangkang kitab-kitab tersebut kerana di dalamnya terdapat hadis-hadis yang da'if sebenarnya lalai atau pun sengaja buat-buat jahil bahawa bukan sesuatu yang bid'ah dalam kalangan muhaddisin bahkan kebanyakan muhaddisin menyebut hadis-hadis da'if dalam karangan-karangan mereka bersama syarat-syarat yang diguna pakai dalam hal kelebihan-kelebihan amal. Inilah pendapat Jumhur Muhaddisin yang saksama.

Ummul Mukminin

Sayyidatina Aisyah



ILMUWAN DAN DERMAWAN YANG TAKUTKAN ALLAH

Suatu ketika Sayyidatina Aisyah ﷺ telah diberi wang dirham yang diisi penuh dalam dua biji guni. Di dalam guni-guni itu terdapat wang lebih daripada seratus ribu dirham.

Sayyidatina Aisyah ﷺ telah meminta manguk. Manguk-manguk itu telah diisikan dengan dirham dan mulalah beliau membahagi-bahagikan wang itu sehingga ke petang.

Kesemua wang itu telah habis dibahagikan sehingga tidak meninggalkan baki satu dirham pun. Sedangkan pada hari itu beliau sedang berpuasa. Ketika tiba waktu berbuka puasa beliau memberitahu orang suruhannya, “Bawalah apa-apa untukku berbuka puasa.”

Orang suruhannya telah membawa sepotong roti dan minyak zaitun sambil berkata, “Bagus sekali jika dapat membeli daging dengan satu dirham kerana kita dapat berbuka puasa dengan daging.”

Beliau pun berkata, “Apakah faedahnya? Sekarang baru engkau hendak membebek. Sekiranya engkau ingatkan saya terlebih dahulu sudah pasti saya membelikan daging itu.”

Sayyidatina Aisyah ﷺ biasanya menerima hadiah seumpama itu daripada Sayyidina Amir Muawiyah رضي الله عنه ، Sayyidina Abdullah bin Zubair رضي الله عنه و and beberapa orang sahabat yang lain.

Oleh kerana zaman itu ialah zaman kemenangan demi kemenangan, rumah-rumah dipenuhi dengan wang emas seumpama biji-bijian. Namun demikian, beliau masih menjalani satu kehidupan yang begitu ringkas dan terlalu sederhana, sehingga beliau sendiri terpaksa diperingatkan mengenai keperluan makanan untuk berbuka puasa.

Walaupun beliau telah membahagi-bahagikan wang sebanyak seratus ribu dirham tetapi sedikit pun beliau tidak teringat bahawa dirinya sedang berpuasa dan memerlukan wang untuk membeli daging.

Kisah seumpama ini telah menjadi begitu asing bagi kita pada zaman ini sehingga kebenaran kisah seumpama ini mula diragui oleh orang ramai.

Namun, kehidupan yang umum pada zaman itu malah ratusan lagi peristiwa seumpama itu tidak sedikitpun menakjubkan bagi mereka yang berpengetahuan tentang sejarah para sahabat ﷺ.

Malah ada banyak kisah tentang Sayyidatina Aisyah ؓ sendiri yang hampir sama dengan peristiwa ini.

Pada suatu hari beliau sedang berpuasa dan tidak ada sesuatu pun di rumah kecuali sepotong roti. Seorang fakir telah datang dan meminta makanan lalu beliau menyuruh orang suruhannya memberikan roti itu kepada orang fakir tersebut.

Orang suruhannya berkata, “Untuk berbuka puasa nanti tiada apa-apa makanan di rumah.”

Beliau berkata, “Apakah salahnya? Berikan kepingan roti tersebut kepadanya.” Maka orang suruhannya itu telah memberikan roti itu.

Suatu ketika beliau telah membunuh seekor ular. Beliau melihat dalam mimpinya ada orang memberitahunya bahawa, “Kamu telah membunuh seorang Islam.”

Sebagai jawaban Sayyidatina Aisyah ؓ berkata, “Sekiranya dia seorang Islam pasti dia tidak akan masuk ke rumah isteri-isteri Rasulullah ﷺ.”

Orang tadi menjawab bahawa orang itu datang dalam rupa bentuk yang berlainan. Beliau lantas terjaga daripada tidurnya dan telah menyedekahkan dua belas ribu dirham sebagai tebusan (diyat) kerana menumpahkan darah seorang Islam.

Sayyidina Urwah ﷺ berkata, “Suatu ketika saya lihat Sayyidatina Aisyah ؓ bersedekah tujuh puluh ribu dirham sedangkan beliau sendiri memakai pakaian yang bertampung.”

Sayyidina Abdullah bin Zubair ؓ ialah anak saudara kepada Sayyidatina Aisyah ؓ. Beliau amat disayangi oleh Sayyidatina Aisyah ؓ kerana Sayyidatina Aisyah ؓ yang telah membeskannya.

Sayyidina Abdullah ؓ begitu sedih melihat kemurahan Sayyidatina Aisyah ؓ yang teramat sangat. Ini ialah kerana Sayyidatina Aisyah ؓ sendiri menanggung kesusahan tetapi apabila mendapat sesuatu pemberian, Sayyidatina Aisyah ؓ akan mensedekahkan pemberian itu.

Suatu ketika beliau memberitahu bahawa beliau mesti mencari jalan supaya ibu saudaranya itu mengurangkan sedekahnya. Berita tentang ucapannya itu telah sampai ke pengetahuan Sayyidatina Aisyah ؓ.

Justeru, Sayyidatina Aisyah ؓ menjadi marah. “Adakah dia ingin menghalang aku daripada bersedekah?” Lalu beliau bersumpah tidak akan bercakap dengan Sayyidina Abdullah ؓ lagi.

Sayyidina Abdullah ؓ menjadi sangat sedih dengan kemarahan ibu saudaranya itu. Beliau telah mengutus beberapa orang untuk memujuk Sayyidatina Aisyah ؓ namun Sayyidatina Aisyah ؓ menguzurkan dirinya atas alasan sumpahnya itu.

Akhirnya apabila Sayyidina Abdullah ؓ menjadi terlalu sedih beliau membawa dua orang daripada keluarga ibu Rasulullah ﷺ untuk memujuk Sayyidatina Aisyah ؓ.

Apabila mereka berdua masuk ke rumah dengan kebenaran Sayyidatina Aisyah ؓ, Sayyidina Abdullah ؓ juga telah masuk bersama mereka secara sembunyi. Mereka berdua duduk di luar tabir dan Sayyidatina Aisyah ؓ duduk di sebalik tabir.

Apabila mereka memulakan perbualan, dengan tidak semena-mena Sayyidina Abdullah ؓ meluru ke dalam merentas tabir dan memeluk ibu saudaranya dalam keadaan menangis begitu kuat sekali sambil merayu-rayu.

Kedua-dua mereka juga menyokong Sayyidina Abdullah ﷺ sambil mengingatkan Sayyidatina Aisyah ؓ tentang sabdaan-sabdaan Rasulullah ﷺ mengenai memutuskan hubungan dengan seseorang Islam dan larangan-larangan yang terdapat dalam hadis Nabi ﷺ mengenai perbuatan itu.

Apabila Sayyidatina Aisyah ؓ mendengar larangan dan celaan dalam hadis tersebut mengenai memutuskan hubungan dengan seseorang Islam, beliau tidak dapat menahan perasaannya lalu menangis dan akhirnya beliau memaafkan Sayyidina Abdullah ﷺ dan mula bercakap dengannya.

Namun, selepas itu, beliau membebaskan empat puluh orang hamba seorang demi seorang sebagai kafarah terhadap sumpahnya. Apabila sahaja beliau teringat akan perlanggaran sumpah itu, beliau akan menangis sehingga selendangnya akan dibasahi dengan air mata.

Cinta Rasulullah ﷺ terhadap Sayyidatina Aisyah ؓ tidak asing lagi kepada sesiapa pun. Sehinggakan apabila Rasulullah ﷺ ditanya tentang orang yang paling dicintai oleh Baginda ﷺ lalu dijawab oleh Baginda ﷺ, Aisyah ؓ.

Beliau juga terkenal sebagai seorang yang mahir dalam bidang ilmu fiqh sehingga para sahabat ؓ yang unggul pun menemui beliau untuk menyelesaikan masalah agama yang dihadapi oleh mereka.

Sayyidina Jibrail ؓ sentiasa memberi salam kepada beliau. Beliau telah diberi berita gembira bahawa dalam syurga pun beliau akan menjadi isteri Rasulullah ﷺ.

Walaupun demikian beliau begitu takut kepada Allah ﷺ sehingga beliau seringkali berkata, “Alangkah baik sekiranya saya sebatang pokok maka saya akan sentiasa sibuk bertasbih dan bebas daripada penghisapan pada hari akhirat nanti. Alangkah bagusnya jika saya seketul batu. Alangkah bagusnya jika saya seketul tanah. Alangkah baiknya sekiranya saya sehelai daun. Alangkah baiknya kalau saya sehelai rumput.”

Fadail Amal, Kisah Para Sahabat, Bab 10: Semangat Keagamaan Wanita

KIYAI MUHAMMAD SIRĀJ AL-INDUNĪSI AL-MAKKI



Oleh : Ustaz Syauqi Bin Mohd Halim

Madrasah Miftahul Ulum Seri Petaling

PENGENALAN

Beliau ialah Kiyai Muhammad Sirāj bin Abdullah Umar bin Abdul Qahhār. Beliau berasal dari Trenggalek, Jawa Timur, Indonesia.

Beliau dilahirkan pada tahun 1925M (1343H) di perkampungan Kedung Lurah yang terletak di bandar Trenggalek. Bapa beliau iaitu Kiyai Abdullah Umar juga merupakan seorang alim.

Seorang ulama yang mahir dalam fiqh, nahwu, dan salah seorang wali Allah. Kiyai Muhammad Sirāj ﷺ ialah seorang ulama salikīn.

Beliau adalah seorang yang sangat merendahkan diri, sangat mencintai orang soleh, berakhlik mulia, tidak menyukai kemasyhuran dan menunjukkanjuk, sangat menghormati para ulama dan penuntut ilmu.

Beliau juga seorang yang suka membantu orang-orang miskin dan lemah dan juga seorang yang tenang.

Beliau juga seorang yang banyak berzikir kepada Allah ﷺ. Lidah beliau sentiasa dibasahi zikrullah dan selawat kepada Rasulullah ﷺ. Amalan beliau ialah mengkhatakan al-Quran setiap minggu.

SEJARAH PENGAJIANNYA

Beliau mempelajari ilmu-ilmu asas daripada bapanya sendiri. Kemudian beliau memasuki Pondok Pesantren Lirboyo, sebuah pusat pengajian tradisional yang sangat terkenal di Jawa Timur, Indonesia.

Di sana beliau mempelajari ilmu agama peringkat sanawi sehingga berjaya menyelesaiannya pada tahun 1940M (1359H).

Kiyai Muhammad Sirāj juga menuntut ilmu di Pesantren Rejoso yang terletak di Jombang. Di sana beliau bertalaqqi dengan ulama-ulama hebat dan terkenal pada waktu tersebut.

Salah seorang daripadanya adalah Kiyai

Muhammad Hasyim Asy'ari yang merupakan pengasas Nahdatul Ulama.

Kiyai Muhammad Siraj juga berbaiah tariqat Naqsyabandi dengan Kiyai Muhammad Ramli Tamim.

Pada tahun 1952M (1372H), Kiyai Muhammad Siraj telah bersafar ke Mekah melalui jalan laut. Beliau memilih untuk menetap di sana sehingga beliau wafat.

Antara guru-gurunya ialah:

- Ayah beliau sendiri Kiyai Abdullah Umar
- Kiyai Mustaqim Tulungagung
- Kiyai Marzuki Dahlān
- Kiyai Abdul Karim
- Kiyai Mahrūs Ali
- Kiyai Hasyim Asy'ari
- Kiyai Ramli Tamīm
- Kiyai Abdul Wahhab Hasbullah
- Syeikh Hasan Yamani
- Al-Faqih Al-Qadi Syeikh Hasan Masyyāt
- Sayyid Alawi Al-Mālikī
- Sayyid Muhammad Amīn Kutbi
- Syeikh Ahyad Al-Bogori
- Syeikh Muhammad Arabi At-Tubbāni
- Sayyid Hasan Fad'aq
- Syeikh Abdul Qādir Mandīlī
- Syeikh Usman Tungkal
- Syeikh Yāsīn Fādānī
- Syeikh Zakariya Bīlā
- Sayyid Ali Al-Bār
- Kiyai Abdul Hamid Muhammad Muqri Banten

MENGAJAR ILMU AGAMA

Selepas menamatkan pengajiannya di Pondok Pesantren Lirboyo, beliau dipilih menjadi tenaga pengajar di pesantren tersebut kerana melihat kepada kecerdikan dan kepintaran yang ada pada diri beliau.

Pada tahun 1942M beliau juga mengajar di sekolah kerajaan dalam subjek agama. Dalam tahun yang sama beliau dilantik menjadi mudir di Madrasah Salafiyyah Islāmiyyah yang terletak di Kedung Lurah.

Ketika berada di Mekah beliau mengajar di madrasah Dār Ulūm Dīniyyah di bawah seliaan al-Musnid al-Mutafannin, Syeikh Yāsīn Fādānī.

KEWAFATANNYA

Kiyai Muhammad Siraj wafat pada tahun 1402H, malam jumaat, lebih kurang jam satu pagi.

Jenazah beliau disembahyangkan di Masjid Haram selepas solat asar hari jumaat.

Beliau dikebumikan di perkuburan Ma'lāh di Hautah Sādah Naqsyabandiah berhampiran dengan kubur Sayyidatina Asmā' binti Abu Bakar.

Rujukan: Lawāmi` Dhau`u as-Sirāj, kitab himpunan zikir-zikir Kiyai Muhammad Siraj, susunan anak beliau, Kiyai Mahmūd bin Muhammad Siraj.



PENDERITAAN NABI DAN PARA SAHABAT DALAM MENAHAN KELAPARAN

Abdullah bin Mas'ud ﷺ berkata, "Rasulullah ﷺ telah memerhatikan tanda kelaparan pada wajah-wajah para sahabat Baginda ﷺ lalu bersabda, "Terimalah berita gembira, sesungguhnya akan datang kepada kamu suatu zaman yang satu dalam šarid akan dihidangkan kepada kamu pada waktu pagi dan satu lagi dalam yang serupa pada waktu petang."

Para sahabat bertanya, "Ya Rasulullah, apakah kami pada hari itu lebih baik?"

Baginda ﷺ menjawab, "Bahkan kamu pada hari ini lebih baik daripada kamu pada hari itu."

Muhammad bin Sirin ﷺ berkata, "Sesungguhnya ada daripada kalangan para sahabat yang berlalu kepada mereka tiga hari tanpa mereka mendapat apa-apa pun untuk dimakan lalu dia mengambil kulit binatang, dipanggangnya dan dimakan. Apabila dia tidak mendapatkan sesuatu pun maka dia akan mengikat batu di perutnya."

Fadalah bin Ubaid ﷺ meriwayatkan bahawa sesungguhnya apabila Rasulullah ﷺ mengimami orang ramai bersolat, beberapa orang lelaki jatuh daripada keadaan berdiri dalam solat kerana kebuluran yang mereka alami. Mereka itu ialah ashab us-suffah. Sehingga orang-orang Badwi berkata bahawa mereka itu ialah orang-orang gila.

Apabila Baginda ﷺ selesai daripada solat, Baginda ﷺ berpaling ke arah mereka lalu berkata, "Jika kamu mengetahui apakah ganjaran yang tersimpan di sisi Allah ﷺ untuk kamu, pasti kamu suka agar kamu menjadi lebih miskin dan lebih kebulur."

Anas ﷺ berkata, “Sesungguhnya tujuh orang daripada para sahabat Rasulullah ﷺ menghisap hanya sebiji tamar sahaja. Mereka makan daun-daun sehingga bibir-bibir mereka menjadi bengkak.”

Dalam riwayat Tabarani, Abdullah bin Abbas ﷺ berkata, “Rasulullah ﷺ telah menggali parit sedangkan para sahabat ﷺ telah mengikat batu di perut-perut mereka kerana lapar.”

Anas ﷺ berkata, “Dibawa kepada para sahabat itu dua raup barli yang kemudian dimasak bersama minyak sapi yang sudah agak berubah baunya lalu diletakkan di hadapan mereka. (Para sahabat itu tetap memakannya) sedangkan ia mempunyai rasa yang kurang selesa boleh tersangkut di halkum dan bau pun agak busuk.”

Jabir ﷺ berkata, “Pada hari peperangan Khandaq, sedang kami menggali parit sebuah batu besar lagi keras menghalang kerja para sahabat lalu mereka pergi berjumpa Nabi ﷺ dan mengadu, “Ini ada batu besar yang menghalang dalam parit.”

Lantas Baginda ﷺ bersabda, “Aku akan turun.” Kemudian Baginda ﷺ pun bangun sedangkan batu terikat di perut Baginda ﷺ. Kami berada di situ selama tiga hari, kami tidak merasa apa-apa makanan pun.”

Ibnu Abi Aufa ﷺ berkata, “Kami telah berperang bersama Rasulullah ﷺ tujuh kali peperangan. Dalam peperangan-peperangan itu kami hanya makan belalang.”

Abu Barzah ﷺ berkata, “Pada suatu masa kami berada dalam satu peperangan. Kami telah menghadapi sekumpulan manusia daripada kalangan orang-orang musyrikin maka kami telah berusaha menghalau mereka dari tempat mereka memasak roti. Kami mengambil tempat itu dan kami mula makan roti-roti itu.

Semasa jahiliyah dahulu kami biasa mendengar bahawa sesiapa yang makan roti daripada (tepung) gandum akan menjadi gemuk. Apabila kami telah makan roti itu mulalah setiap orang daripada kami memerhatikan kedua-dua lambungnya adakah dia telah gemuk.”

Sumber : Kitab Hayatus Sahabah, Jilid 1

Aisyah رضي الله عنه berkata, “**Bala** yang mula-mula sekali menimpa **umat** ini selepas peninggalan Nabinya ialah **kenyang**. Kerana sesungguhnya sesuatu kaum itu apabila perut mereka telah kenyang maka badan mereka menjadi gemuk, **hati** mereka menjadi **lemah** dan **syahwat** mereka menjadi **liar**.”



IBADAH KORBAN

“Pada setiap helai bulunya itu kita akan memperoleh satu kebaikan.”

[HR. Ahmad dan Ibnu Majah]

Daftarkan diri dan keluarga untuk ibadah korban tahun ini

**1 Bahagian Lembu
RM350 sahaja!**

Untuk Korban dan Akikah. Harga termasuk kos pengurusan. Urusan penyembelihan, agihan dan lain-lain dijalankan oleh pihak MyQorban.



HABIB NAJMUDDIN AL-KHERED

USTAZ AHMAD SHADAN AL-HADRAMI



Jangan lepaskan peluang ibadah Korban pada tahun ini.

Memandangkan situasi semasa, jumlah binatang korban di kebanyakan tempat di dalam negara telah dihadkan. Ini bermakna ramai daripada kita tidak dapat menjalankan ibadah korban di dalam negara pada tahun ini. Akan tetapi ibadah korban juga boleh dilakukan di luar negara. Sekaligus, bukan sahaja kita mendapat pahala ibadah korban, bahkan dapat juga pahala infaq, kerana daging korban akan diagihkan kepada umat Islam yang memerlukan di sana. Bersama-sama kita lakukan amalan yang menyukarkan Allah ﷺ. Klik pautan di bawah sekarang:

<https://rabih.onpay.my/order/form/korban2021>

SOALAN :

Bolehkah buat Korban untuk orang yang telah mati?

JAWAPAN :

Korban **atas nama orang mati** tidak sah melainkan dia telah berwasiat supaya dibuat korban bagi pihaknya.

Adapun jika korban dilakukan atas nama kita dan **diniatkan kongsi pahalanya** untuk si mati maka hukumnya adalah harus.

Boleh **diniatkan kongsi pahala** korban untuk orang lain samaada orang **hidup atau mati** walaupun niat itu berlaku selepas selesai penyembelihan.

Tidak sah korban **atas nama orang yang hidup** melainkan setelah mendapat keizinan daripadanya.

Dijawab oleh : al-Fadhil Ustaz Ahmad Lutfi Muharam.



INFAQ MENGHINDAR BALA

RAWAT PENYAKIT, KERUNSINGAN, KEMUDARATAN

Sayyidina Ali رض meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, “Bersegeralah kamu untuk memberi sedekah kerana sesungguhnya bala tidak melampaui sedekah.” (Misykat: Razin)

Diriwayatkan dalam sebuah hadis bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, “Peliharalah harta kamu dengan menunaikan zakat, ubatilah pesakit-pesakit kamu dengan bersedekah dan hadapilah ombak-ombak musibah dengan berdoa.”(at-Targhib wa at-Tarhib)

Dalam kitab Kanz ul-'Ummal terdapat banyak hadis yang menyatakan bahawa hendaklah kamu ubati pesakit-pesakit kamu dengan bersedekah. Pengalaman pun menjadi bukti bahawa banyak bersedekah menjadi penawar kepada penyakit.

Dalam sebuah hadis dinyatakan, bersedekahlah kamu dan rawatilah pesakit-pesakit kamu dengan bersedekah, kerana sesungguhnya sedekah menolak kehinaan pada maruah dan menolak penyakit-penyakit serta menambahkan umur dan pahala kamu. (Kanz ul-'Ummal)

Dalam sebuah hadis dinyatakan bahawa tolaklah segala kerunsingan dan kebimbangan kamu dengan sedekah. Dengan sedekah Allah ﷺ akan menolak segala kemudarat dari kamu dan akan membantu kamu terhadap musuh-musuh kamu. (Kanz ul-'Ummal)

KEMPEN INFAQ RM10/BULAN KEPADA DARUL ULUM MALAYSIA

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sedekah menolak 70 macam bala dan bencana dan yang paling ringan ialah penyakit kusta dan sopak." (Riwayat al-Baihaqi dan al-Tabarani).

Darul Ulum Malaysia diasaskan untuk memudahkan perkongsian ilmu dan aktiviti madrasah, menjalin ukhuwwah, ulfah dan mahabbah sesama ulama, warga madrasah, masyarakat awam, ibu bapa, pelajar dan pencinta ilmu. Anda boleh melihat perjalanan aktiviti Darul Ulum Malaysia di <http://darululum.my>

Kami menjemput para hartawan dan umat Islam umumnya untuk menginfakkan RM10/bulan kepada pihak Darul Ulum Malaysia untuk meneruskan aktiviti-aktiviti seterusnya.

Infaq terus secara online melalui pautan berikut:
<https://rabih.onpay.my/order/form/infaq> (sila klik)

Untuk urusan mendapatkan resit sumbangan sila rujuk:
Nama Akaun : Pertubuhan Amal Darul Ulum
14238010008853 (Bank Islam)
Emel: dumalaysia@gmail.com



Darul Ulum Malaysia

<http://darululum.my>

Infaq Darul Ulum Malaysia

PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM

14238010008853 (BANK ISLAM)

dumalaysia@gmail.com

Infaq terus secara online melalui pautan berikut:
<https://rabih.onpay.my/order/form/infaq> (sila klik)

Rasulullah ﷺ bersabda: “Amalan yang paling dicintai oleh Allah ﷺ adalah amalan yang berterusan walaupun jumlahnya sedikit.” (Bukhari)